

KEBERKESANAN MODUL KPPMI KE ATAS PENGUASAAN KEMAHIRAN
PENYELESAIAN MASALAH INVENTIF BAGI MATA PELAJARAN REKA
CIPTA TINGKATAN EMPAT

NURALIAH BINTI ABD NASIR

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JANUARI, 2023

DEDIKASI

Syukur Alhamdulillah Kepada Allah S.W.T, Selawat Dan Salam Buat Junjungan Besar Nabi Muhammad saw, Ahli Keluarga Baginda, Sahabat-sahabat Baginda Dan Seluruh Umat Islam

Buat yang teristimewa,
Ayahanda yang dikasihi Abd Nasir Bin Masiron,
Bonda yang disayangi Norlila Bte Mat Jani,
Pasangan Tercinta,
Adik beradik yang diingati along, alang, kakak dan adik,
Buat Penyelia yang setia memberi bantuan dan dorongan Prof. Madya Ts. Dr. Tee Tze Kiong, terima kasih atas bantuan dan tunjuk ajar yang tidak terhingga. semoga allah memberkatimu sentiasa.

Buat pembaca, semoga kejayaan ini menjadi contoh dan dorongan untuk kalian berjaya dalam hidup dunia dan akhirat.

Serta tidak dilupakan jua rakan-rakan FS yang sentiasa memberi bantuan dan kerjasama serta seluruh pihak yang terlibat menjayakan penyelidikan ini.

Segala pengorbanan kalian sumber inspirasi bagiku untuk meneruskan perjuangan.

Kejayaan ini adalah hadiah buat kalian.

Sekian, terima kasih. .

PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat Ilahi, kerana dengan limpah kurnia-Nya projek yang dijalankan ini dapat disiapkan sepenuhnya mengikut masa yang telah ditetapkan. Di kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan sejuta penghargaan ikhlas buat penyelia projek, Prof. Madya Ts. Dr. Tee Tze Kiong yang telah banyak membantu dengan penuh komited dalam membimbing, menasihati, memberi dorongan serta tunjuk ajar yang berguna di sepanjang tempoh kajian ini dijalankan.

Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Mohamed Nor Azhari Azman selaku ketua panel penilai dan Prof. Madya Ts. Dr. Yee Mei Heong selaku panel penilai dalaman atas kesudian berkongsi ilmu dan maklumat semasa sesi pembentangan dijalankan.

Tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa tersayang, pasangan, adik beradik dan rakan-rakan yang sentiasa memberi sokongan dan semangat bagi membangunkan Projek Sarjana ini. Akhir sekali, ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu dalam menyiapkan projek ini dengan jayanya. Semoga Allah memberkati semua. Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kemahiran mengenalpastian punca masalah (KPPMI) merupakan kemahiran yang sangat diperlukan di dalam pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) Malaysia kini. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan modul kemahiran mengenalpastian punca masalah inventif yang telah dibangunkan oleh penyelidik sendiri khusus buat pelajar Reka Cipta tingkatan empat. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimental. Instrumen kajian iaitu praujian dan posujian KPPMI digunakan ke atas dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan (KK) dan kumpulan rawatan (KR) dalam proses pengumpulan data. Penganalisan secara deskriptif (skor min, Frekuensi dan peratusan) dilakukan ke atas persoalan kajian satu manakala persoalan kajian kedua menggunakan bentuk kajian inferensi (ANCOVA). Bagi pembangunan modul KPPMI, elemen TRIZ telah diterapkan didalamnya. Khusus bagi dua fasa TRIZ yang utama. Model Meyer juga dijadikan rujukan dalam pembangunan modul KPPMI. Terdapat empat aspek utama yang diketengahkan dalam penilaian KPPMI pelajar iaitu mengenalpastian komponen, strategi penyelesaian masalah inventif, mengenalpastian punca masalah inventif dan kesan penyelesaian masalah inventif. Hasil kajian menunjukkan bahawa KR berjaya menguasai KPPMI kerana wujudnya peningkatan tiga tahap KPPMI terhadap aspek mengenalpastian punca masalah inventif. Namun, KR masih berada pada tahap yang sama bagi aspek kesan penyelesaian masalah. Justeru, untuk kajian masa panjang dicadangkan untuk memfokuskan bahagian kesan penyelesaian masalah inventif agar pelajar dapat lebih memahami proses KPPMI sekaligus dapat menguasainya dengan lebih baik.

ABSTRACT

Problem root identification skills (KPPMI) are much needed skills in technical and vocational education (TVET) Malaysia today. The purpose of this study was to identify the effectiveness of the inventive problem root cause identification skills module (KPPMI) which has been developed by the researchers themselves specifically for Reka Cipta form four students. In this study, there is one instrument that requires interpretation on its level of mastery. The instrument is KPPMI pretest and post-test on two groups, namely the control group (KK) and the treatment group (KR). The research approach used in this study is quantitative with a descriptive analysis (mean score, frequency and percentage) performed on the first research question while the second research question using inferential research form (ANCOVA). For the development of the KPPMI module, the TRIZ element has been applied in it. Specifically, for the two main TRIZ phases. The Meyer model is also used as a reference in the development of the KPPMI module. There are four main aspects that are highlighted in the assessment of KPPMI students, namely the identification of components, inventive problems solving strategies, the identification of the causes of inventive problems and the effects of inventive problem solving. The results showed that KR managed to master KPPMI because there was an increase in three levels of KPPMI on the aspect of identifying the root cause of inventive problems. However, KR is still at the same level for the problem -solving effect aspect. Therefore, for a long -term study, it is suggested to focus on the effects of inventive problem solving so that students can better understand the KPPMI process and at the same time be able to master it better.

ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN	iii
DEDIKASI	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL DAN RINGKASAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
SENARAI PENERBITAN	xix
BAB 1	
Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	5
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	11
1.5 Persoalan Kajian	11
1.6 Hipotesis Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Skop Kajian	13
1.9 Batasan Kajian	13
1.10 Kerangka Konsep Kajian	14
1.11 Definisi Istilah	15
1.11.1 Kemahiran Penyelesaian Masalah Inventif	15

1.11.2 Modul Pengajaran	16
1.11.3 Teori Penyelesaian Masalah (TRIZ)	16
1.12 Rumusan Bab	17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 18

2.1 Pendahuluan	18
2.2 Mata Pelajaran Reka Cipta (RC)	18
2.3 Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Reka Cipta Tingkatan Empat	19
2.3.1 Objektif Reka Cipta Tingkatan Empat	19
2.3.2 Fokus Reka Cipta Tingkatan Empat	21
2.3.3 Proses Reka Cipta Tingkatan Empat	22
2.3.4 Kandungan Reka Cipta Tingkatan Empat	23
2.4 Teori Kemahiran Penyelesaian Masalah Inventif	25
2.4.1 Teori Dewey (1859-1949)	25
2.4.2 Teori Edward Lee Thorndike (1874-1949)	27
2.4.3 Teori Polya (1887-1985)	28
2.4.4 Teori William Edward Deming (1900-1993)	29
2.4.5 Teori Kaoru Ishikawa (1926-1930)	29
2.4.6 Teori Sakichi Toyoda (1926-1930)	30
2.4.7 Model Genrikh Altshuller (1926-1998)	30
2.5 Rasional Pemilihan Teori Penyelesaian Masalah Inventif	31
2.6 Kaedah Penyelesaian Masalah	34
2.6.1 Kaedah Penyelesaian Masalah Normal (Umum)	34
2.6.2 Kaedah Penyelesaian Masalah Inventif	35
2.7 Pemerkasaan Pemikiran Inventif Dalam KPPMI	37
2.8 Aplikasi TRIZ dalam KPPMI	38
2.9 KPPMI dalam TRIZ (Fasa 1)	39
2.9.1 Analisis Fungsi	41
2.9.2 Bahasa Fungsi	42
2.9.3 Fungsi Utama	43
2.9.4 Langkah-langkah Analisis Fungsi	44
2.10 Konsep Modul	49
2.11 Jenis-jenis Modul	49

2.12	Perbandingan Proses P&P Menggunakan Modul dan Tradisional	50
2.13	Model-model Pembangunan Modul	51
2.13.1	Model Burns (1971)	52
2.13.2	Model Russel (1974)	54
2.13.3	Model Shaharom (1994)	56
2.13.4	Model Sidek (2001)	58
2.13.5	Model Meyer (1984)	60
2.14	Rasional Pemilihan Model Meyer bagi Membangunkan ModulPengajaran	62
2.15	Rumusan Bab	63

BAB 3 METODOLOGI 64

3.1	Pendahuluan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	64
3.3	Populasi Kajian	66
3.4	Instrumen Kajian	67
3.4.1	Interpretasi Instrumen Kajian	67
3.5	Kesahan Instrumen	71
3.5.1	Kesahan Dalaman dan Luaran	72
3.6	Kebolehpercayaan	74
3.7	Kajian Rintis	75
3.7.1	Praujian dan Posujian KPPMI	75
3.8	Kerangka Operasi Kajian	76
3.9	Analisis Proses Pengajaran dan Pembelajaran dalam kajian	77
3.9.1	Fasa Pertama Proses Pengajaran dan Pembelajaran	78
3.9.2	Fasa Kedua Proses Pengajaran dan Pembelajaran	79
3.9.3	Fasa Ketiga Proses Pengajaran dan Pembelajaran	81
3.10	Kaedah Analisis Data	81
3.10.1	Justifikasi Pemilihan Kaedah Analisis	82
3.10.2	Rumusan Analisis Kajian	84
3.11	Rumusan Bab	84

BAB 4	PEMBANGUNAN MODUL	85
4.1	Pendahuluan	85
4.2	Pembangunan Modul KPPMI	85
4.3	Ciri-ciri Model Model Meyer dalam Modul KPPMI	95
4.3.1	Arahan Penggunaan Modul	96
4.3.2	Tujuan dan Matlamat Modul	97
4.3.3	Senarai Kemahiran Pra-Syarat	98
4.3.4	Senarai Objektif Pengajaran	101
4.3.5	Senarai Peralatan dan Sumber	102
4.3.6	Aktiviti Pengajaran Mengikut Urutan	103
4.3.7	Tugasan	106
4.4	Penilaian Modul	107
4.4.1	Borang Penilaian Modul	110
4.4.2	Analisis Keseluruhan Aspek Modul	111
4.5	Rumusan Bab	112
BAB 5	DAPATAN KAJIAN	113
5.1	Pendahuluan	113
5.2	Demografi Responden	113
5.3	Keputusan	114
5.3.1	Perbezaan pencapaian ujian pos KK dan KR Secara Keseluruhan	114
5.3.2	Perbezaan pencapaian ujian pos KK dan KR dari segi 4 aspek	116
5.3.3	Perbezaan pencapaian ujian pra dan pos KK secara Keseluruhan	120
5.3.4	Perbezaan pencapaian ujian pra dan pos Bagi KR Secara Keseluruhan	120
5.3.5	Perbezaan pencapaian ujian pra dan pos KR secara Keseluruhan	121
5.4	Rumusan Bab	122

BAB 6	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	123
6.1	Pendahuluan	123
6.2	Perbincangan	123
6.2.1	Pembangunan Modul KPPMI Tingkatan 4	124
6.2.2	Keberkesanan Modul KPPMI Tingkatan 4	126
6.3	Kesimpulan	133
6.4	Implikasi Kajian	134
6.4.1	Pelajar	134
6.4.2	Guru	135
6.4.3	Pihak Pentadbir dan Kementerian Pelajaran Malaysia	135
6.4.4	Penyelidik lain yang berminat	136
6.5	Saranan Kajian Lanjutan	136
6.6	Penutup	136
	RUJUKAN	138
	LAMPIRAN	150
	VITA	174



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI JADUAL

2.1	Kandungan pembelajaran Reka Cipta Tingkatan 4	23
2.2	Rasional pemilihan Teori Penyelesaian Masalah Inventif	33
2.3	Perbandingan pengajaran tradisional dan pengajaran bermodul berdasarkan komponen pengajaran	50
2.4	Komponen-komponen Modul Pengajaran Meyer (1988)	62
3.1	Reka bentuk ujian pra dan ujian pos bagi KK dan KR	64
3.2	Jumlah sampel bagi KK dan KR	66
3.3	Julat gred markah dan tahap penguasaan kemahiran penyelesaian masalah bagi ujian KPPMI	67
3.4	Julat gred markah dan tahap untuk empat aspek yang dinilai untuk tahap KPPMI pelajar Reka Cipta tingkatan empat	70
3.5	Pakar Rujuk bagi instrumen KPPMI	72
3.6	Ancaman dan pengawalan ancaman dalaman	72
3.7	Ancaman dan pengawalan ancaman luaran	74
3.8	Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	75
3.9	Proses pengajaran dan pembelajaran fasa dua untuk KR	79
3.10	Rumusan analisis data kajian	84
4.1	Taburan responden mengikut kumpulan	108
4.2	Analisis maklum balas pakar dan kumpulan kecil pelajar terhadap format modul	109
4.3	Analisis maklum balas pakar terhadap kandungan modul	110

4.4	Analisis purata keseluruhan terhadap format dan kandungan modul	112
5.1	Taburan Responden mengikut kumpulan	113
5.2	Taburan responden mengikut jantina	114
5.3	Nilai skewness dan kurtosis untuk KK dan KR	114
5.4	Tahap pos ujian KPPMI bagi KK dan KR	115
5.5	Tahap KPPMI praujian untuk KK dan KR	116
5.6	Tahap KPPMI posujian untuk KK dan KR	116
5.7	Tahap KPPMI untuk KK dan KR mengikut aspek untuk posujian	117
5.8	Tahap KPPMI untuk KK dan KR mengikut aspek untuk posujian	117
5.9	Tahap Pra dan Pos ujian KPPMI mengikut aspek bagi KK dan KR	118
5.10	Ujian-t bagi praujian dan posujian KK	120
5.11	Ujian-t praujian dan posujian KR	121
5.12	Bilangan Gred Ujian Pra dan Pos bagi kumpulan KK dan KR	123



SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep kajian	15
2.1	Objektif Reka Cipta Tingkatan Empat	20
2.2	Proses Mereka Cipta Renwick (2004)	23
2.3	Aliran penyelesaian masalah umum	35
2.4	Proses Penyelesaian Masalah Berstruktur Atshuller (2007)	36
2.5	Fasa aliran penyelesaian masalah inventif TRIZ	37
2.6	Struktur penyelesaian masalah inventif (TRIZ)	39
2.7	Struktur penyelesaian masalah inventif	40
2.8	Langkah-langkah analisis fungsi	41
2.9	Proses Analisis Fungsi	42
2.10	Contoh Analisis Fungsi	42
2.11	Penggunaan Bahasa Fungsi	42
2.12	Contoh-contoh Bahasa Fungsi	43
2.13	Fungsi Utama	43
2.14	Contoh Sistem Kejuruteraan	44
2.15	Analisis Komponen	45
2.16	Komponen <i>Supersystem</i>	46
2.17	Analisis interaksi.	46
2.18	Model Fungsi	47
2.19	Tujuan Fungsi	47
2.20	Interaksi Normal	48
2.21	Interaksi Kurang	48
2.22	Interaksi Berlebihan	48
2.23	Interaksi Bahaya	48
2.24	Proses Pembinaan Model Burns	53

2.25	Proses pembinaan Model Russel	55
2.26	Proses pembinaan ubah suaian Model Russel	56
2.27	Proses Pembinaan Model Shahrarom	58
2.28	Proses Pembinaan Model Sidek	59
2.29	Proses Pembinaan Model Meyer	61
3.1	Proses penyelesaian masalah	78
3.2	Proses Pengajaran dan Pembelajaran	77
4.1	Ilustrasi muka depan modul	86
4.2	Contoh Halaman Modul	87
4.3	Kod mengenali halaman modul	89
4.4	Arahan modul	97
4.5	Tujuan dan matlamat modul	98
4.6	Penghargaan	99
4.7	Prakata	100
4.8	Unit pembelajaran	101
4.9	Senarai objektif pembelajaran	102
4.10	Bahan yang diperlukan	103
4.11	Langkah proses pengenaltastian punca masalah inventif mengikut urutan	104
4.12	Aturan Proses KPPMI	106
4.13	Tugasan	107
4.14	Langkah-langkah uji lari draf modul KPPMI	108

SENARAI SIMBOL DAN RINGKASAN

APAC	-	Asia Pasifik
BBM	-	Bahan bantu Mengajar
D&D	-	<i>Design & Development</i>
DSKP	-	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KR	-	Kumpulan Rawatan
KK	-	Kumpulan Kawalan
KPPMI	-	Kemahiran Pengenalpastian Punca Masalah Inventif
P&P	-	pengajaran dan pembelajaran
RC	-	Reka Cipta
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>
TVET	-	Pendidikan Teknikal dan Vokasional
TRIZ	-	<i>Teoria Rechenia Izobretatelskih Zadatchi</i>



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN


LAMPIRAN	TAJUK	M/S
A	DSKP Reka Cipta Tingkatan Empat	151
B	Instrumen Kajian	156
C	Borang Pengesahan Pakar	169



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI PENERBITAN

Tee, T. K., Abd Nasir, N., Azid, N., Mohamad, M. M., Wu, M. C., & Singh, C. K. S. (2022). Issues and solutions on Inventive Problems-Solving Skills (IPSS) in invention course. *Cakrawala Pendidikan: Jurnal Pendidikan Ilmiah*, 41(2), 468-480. <https://doi.org/10.21831/cp.v41i2.43499>



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Malaysia merupakan salah satu negara perindustrian yang mempunyai sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang agak terkini (Shafarizan et al., 2019). Bagaimanapun, masyarakat Malaysia kini lebih terbuka untuk membahaskan topik ini kerana kepentingannya dalam membantu perniagaan negara berkembang dengan lebih positif. Ini kerana, menurut Jie et al. (2022), kebolehpasaran yang tinggi, kematangan peribadi, dan kebolehan mempamerkan kebolehan teknikal semuanya merupakan faktor penting dalam kejayaan graduan TVET. Ia merupakan salah satu pembolehubah yang semakin penting dalam bidang TVET. Justeru, sistem pendidikan TVET di Malaysia merupakan satu pelabuhan jangka panjang untuk melahirkan generasi yang mampu sahut cabaran. Malaysia juga menghadapi cabaran yang besar menjelang 2020 dalam memurnikan sistem pendidikan di Malaysia dek kerana pandemik-pandemik yang berlaku hampir di seluruh negara pada masa kini (PADU, 2021). Namun, Malaysia masih mampu bergerak seiring dengan arus kemodenan jika sistem pendidikan ditambah baik serta diperbaiki seterusnya pendidikan yang mulia merupakan semangat untuk membina, meneroka dan berusaha untuk ke arah kemajuan Negara.

Dalam mengaplikasikan hasrat kerajaan ke arah kemajuan negara, sistem pendidikan TVET di Malaysia boleh ditambah baik kerana mempunyai pelbagai cabang pengajian serta mempunyai aspek-aspek pendidikan tersendiri. Melalui dasar ini, penggubalan sesebuah kurikulum juga perlu dilakukan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi agar rencana kurikulum yang dihasilkan mampu mencapai kualiti yang cemerlang. Hal ini demikian kerana, kurikulum diterjemahkan sebagai sebuah ilmu pengetahuan serta menjadi rujukan utama buat tenaga pengajar dalam

melaksanakan proses pengajaran serta pembelajaran semasa (Syed Mustapa & Miskon, 2022). Perkara ini jelas menyatakan bahawa bahan kurikulum merupakan induk kepada sistem pendidikan di Malaysia seterusnya menjadi satu aspek yang besar dalam membantu golongan pengajar dalam menyampaikan ilmu kepada generasi baharu di Malaysia. Sejajar dengan aspirasi nasional dalam mempertingkatkan kualiti sumber manusia, mata pelajaran reka cipta telah diperkenalkan pada tahun 1995 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Reka Cipta merupakan salah satu cabang TVET yang bercorak elektif dan ianya ditawarkan di sekolah menengah atas (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Mata pelajaran Reka Cipta Tingkatan empat diketengahkan bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang celik teknologi serta mampu memiliki pemikiran yang kreatif di awal pengenalan Reka Cipta lagi. Sejajar dengan hasrat KPM dalam usaha melahirkan pereka cipta yang memiliki pelbagai kemahiran dalam pengendalian aplikasi serta menghasilkan produk baharu sekali gus memiliki nilai kebolehpasaran yang tinggi.

Reka Cipta Tingkatan empat diperkenalkan bagi menekankan integrasi teknologi berlaku dalam pembelajaran yang direka agar terus bergerak ke arah pembangunan potensi pelajar secara menyeluruh, seimbang serta bersepadu (Masingan, 2019). Matlamat utama mata pelajaran ini di ketengahkan supaya pengetahuan, kemahiran, nilai, estetika seterusnya teknologi dapat diterapkan dalam diri seseorang pelajar. Reka Cipta Tingkatan empat juga direka oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membuat anjakan maksima dalam melahirkan pelajar yang inventif, kreatif serta inovasi dalam menghasilkan produk yang tinggi kualitinya. Selaras dengan itu, mata pelajaran reka cipta mampu membantu pembangunan kurikulum agar lebih kemas dan sistematik bagi menjamin pelaburan jangka panjang terhadap anak bangsa dalam kearah pencapaian Negara maju (Radha et al., 2021). Justeru, penglibatan pelajar dalam proses mereka cipta seharusnya dapat memberi impak yang positif serta mampu menjadi pemangkin ke peringkat yang lebih tinggi lagi seterusnya dapat memberikan gambaran umum sesebuah alam pekerjaan kelak.

Namun, proses reka cipta juga tidak lari dari menghadapi kekangan tersebut. Antara kekangan utama yang berlaku adalah, menurut Adam (2019), subjek ini memerlukan seseorang pelajar untuk bertindak sendiri atau bahasa ringkasnya pembelajaran hanya berpusatkan kepada pelajar. Melalui hasil kajian awal yang dilakukan, majoriti pelajar gagal untuk mengetahui punca masalah sesuatu perkara kerana kaedah pembelajaran tidak berlaku secara menyeluruh. Guru-guru juga

mengeluh kerana kebanyakan pelajar Reka Cipta Tingkatan empat masih belum mahir dalam mengaplikasikan kemahiran pengenaltastian punca masalah inventif (KPPMI). Perkara ini juga mengakibatkan pelajar menjadi pasif kerana tidak mengetahui punca sesuatu masalah (Julida et al., 2021). Hasilnya, pembelajaran yang berlaku menjadi kurang berkesan. Tambahan lagi, mengikut kajian Othman et al. (2019) disokong juga oleh Ab Hakim & Iksan (2018) menyatakan bahawa guru perlu menguasai serta mempunyai kemahiran yang rigid dalam meluaskan ilmu reka cipta. Justeru, guru perlu mempunyai alternatif mahupun kaedah yang baharu bagi memastikan pelaksanaan pentaksiran dilaksanakan dengan baik seterusnya dapat menjimatkan masa (Nasir & Mansor, 2021). Hal ini demikian kerana, kekangan masa juga sering berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Idriki (2022); Jurnal Pendidikan Malaysia 45(1) Isu Khas, (2020)). Selain itu, seringkali pihak majikan meluahkan bahawa para graduan yang dikeluarkan masih kurang berkemahiran khususnya dalam kemahiran pengenaltastian punca masalah inventif sehinggakan pihak syarikat perlu memberikan latihan baharu untuk mereka (Dini et al., 2022). Justeru itu, pelaksanaan kurikulum perlu diteliti semula agar pelajar dapat menguasai sesuatu mata pelajaran dengan baik.

Bermulanya fasa pelaksanaan kurikulum baharu pada tahun 2017 iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Kurikulum ini telah digubal agar selaras dengan cabaran pendidikan abad ke-21 (Tee et al., 2022). Dalam hal itu, pelajar perlu menghadapi satu cabaran yang baharu dalam proses mencari sumber rujukan sendiri, bijak menyesuaikan diri dengan situasi serta mahir membuat keputusan. Namun, masih ramai antara mereka yang gagal kerana tidak dapat mengenal pasti masalah dengan baik. Pengenaltastian punca masalah merupakan salah satu kemahiran yang penting di dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam kelas (Rahayu et al., 2020). Justeru, kaedah pengenaltastian punca masalah perlu diterjemahkan di dalam sebuah modul agar dapat menjadi pemudah cara untuk mereka melaksanakan tugas dengan baik. Salah satu pendekatan yang telah terbukti dalam pengenaltastian punca masalah inventif ialah TRIZ (Tee et al., 2018). *Teoria Rechenia Izobretatelskih Zadatchi* (TRIZ) yang diketengahkan melalui teori Altshuller telah merungkaikan satu per satu isu yang mempunyai percanggahan seterusnya membantu dalam menyelesaikan masalah.

TRIZ atau dalam bahasa Rusianya *Teoria Rechenia Izobretatelskih Zadatchi* merupakan teori yang sering digunakan dalam bidang industri secara meluas (Fazreen

et al., 2022). Teori ini diperkenalkan oleh seorang jurutera bekas Soviet Union iaitu, G. Altshuller dan rakan-rakan mulai tahun 1946 (Bykova et al., 2020). Pelbagai Syarikat gah dunia seperti Intel, Samsung, LG dan banyak lagi telah menggunakan teori ini untuk mengenal pasti punca masalah inventif agar dapat menghasilkan sesuatu produk yang berkualiti seterusnya meningkatkan peratusan jualan tahunan mereka (Zulkapri, 2019). TRIZ mengandungi empat fasa utama. Fasa pertama, mengenal pasti punca masalah. Fasa kedua memodelkan masalah. Seterusnya fasa ketiga adalah pemilihan alat penyelesaian masalah akhir sekali keempat adalah memodelkan penyelesaian spesifik. Mengikut Rosli et al. (2022), pemikiran manusia hanya mengandungi dua pemikiran sahaja sama ada positif mahupun negatif. Justeru, melalui pemikiran ini yang perlu digunakan untuk membuat keputusan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul.

Tambahan lagi, kebanyakan pelajar reka cipta tidak mahir dalam menguasai kemahiran menyelesaikan masalah dan menghadapi kekangan dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Tuntasnya, pengenalanpastian punca masalah bukan suatu perkara yang perlu dipandang enteng kerana ianya merupakan induk utama dalam proses penghasilan sesuatu perkara. Penyelesaian masalah juga menjadi sukar jika pengenalanpastian masalah tidak dapat dikuasai oleh pelajar dalam proses mereka cipta sesuatu produk (Tee et al., 2018). Penggunaan kaedah yang kurang tepat juga mengakibatkan kegagalan dalam matlamat penyelesaian masalah.

Oleh itu, kemahiran pengenalanpastian punca masalah inventif perlu diketengahkan agar dapat membantu pelajar Reka Cipta Tingkatan empat seterusnya dapat menjadi pemudah cara buat tenaga pengajar dalam mengenal pasti punca masalah seterusnya dapat menyelesaikan masalah inventif secara sistematik dan teratur. Justeru, modul pengajaran membantu bagi mengenal pasti punca masalah inventif agar dapat menterjemahkan idea mereka dalam penghasilan produk berjalan dengan baik. Perkara ini juga disokong oleh (Tee et al., 2022; Rasdi et al., 2021; Techanamurthy et al., 2020; Seman et al., 2019) bahawa, penggunaan Modul Pengajaran mampu mempertingkatkan mutu pencapaian pelajar. Modul juga menjadi pembelajaran alternatif di alaf baharu secara sistematik.

1.2 Latar Belakang Masalah

Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah mengambil peranan penting dalam Rancangan Malaysia ke-11 yang menekankan kepada pembangunan modal insan yang mampu meningkatkan produktiviti, menghasilkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi seterusnya membantu menjana ekonomi bagi pembangunan sosial. Hal ini demikian kerana, mengikut NCER Malaysia (2020), TVET adalah landasan program pendidikan yang mampu tertumpu pada penghasilan kemahiran tenaga kerja yang berkualiti dalam memacu ekonomi negara. Dalam erti kata lain, TVET merupakan asas bagi ruang persediaan kepada siswazah yang bakal memenuhi pasaran kerja kelak. Namun begitu, ketidakbolehan pasaran graduan selepas tamat pengajian menjadi isu yang sering di diperkatakan.

Selari dengan itu, pelbagai kajian terdahulu seperti (Dini et al., 2022; Hanafe & Abdullah, 2021; Mansur, 2021; Halim & Sahid, 2020) ada menyatakan punca-punca graduan Malaysia sukar mendapatkan tempat di pasaran kerja. Lebih mendukacitakan, kebanyakan kajian memaparkan kelemahan graduan dalam kemahiran pengenalpastian punca masalah seterusnya penyelesaian masalah yang merupakan punca utama graduan sukar diambil bekerja. Kemahiran ini juga tersenarai sebagai kemahiran atribut ketiga tertinggi yang dipandang serius dalam dunia kerjaya. Menurut LinkedIn (2021), kebanyakan organisasi Malaysia lebih gemar merekrut individu yang mempunyai bakat berbanding kelayakan seperti persekolahan atau pengalaman.

Menurut analisis LinkedIn dari 2021, majoriti organisasi Malaysia memilih untuk merekrut individu yang mempunyai keupayaan teknologi (38%) dan bakat boleh dipindah milik (28%), yang diutamakan melebihi keperluan tradisional seperti pendidikan (10%) dan pengalaman minimum mengikut tahun (12%). Malah, dua pertiga daripada perniagaan (67%) sanggup mengambil pekerja dari industri lain dengan syarat bakat mereka sesuai dengan keperluan pekerjaan. Kebolehan teknikal secara eksplisit ditekankan sebagai komponen penting dalam pemilihan pekerja yang cekap dalam kajian ini. Tambahan pula, menurut Berita Harian April 2021, syarikat di Malaysia mencari tiga kualiti utama, iaitu kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi dan pemikiran strategik, sambil mengambil pekerja secara dalaman. Berbanding dengan pasaran lain di Asia Pasifik, kemahiran menyelesaikan

masalah (46%) menonjol sebagai salah satu kemahiran yang mendapat permintaan tinggi (APAC).

Selari dengan ini, hasil kajian penanda aras TIMMS (*Trend in International Mathematics and Science Study*) dan PISA (*Program for International Student Assessment*) mencadangkan bahawa pelajar Malaysia mempunyai tahap pencapaian yang lemah (Ismail, 2015). Akibatnya, kerajaan telah mengambil beberapa langkah selanjutnya. Antaranya ialah merombak kurikulum semasa dan menulis Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi tahun 2013 hingga 2025. Setiap Dokumen Standard Kandungan dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran dijadikan panduan kepada guru. DSKP ialah dokumen yang menggabungkan kurikulum dan penilaian. Standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi semuanya disenaraikan dalam DSKP.

Sementara itu, KPM telah memulakan pendidikan teknik seawal sekolah rendah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja terlatih selaras dengan objektif penubuhan TVET, sama seperti melentur buluh biar dari rebung. Mata pelajaran Reka Cipta (RC) Tingkatan Empat sekolah menengah atas, reka cipta ialah kursus elektif yang memfokuskan kepada teknologi industri dan memupuk kreativiti pelajar. Pemahaman pelajar tentang proses reka cipta juga diperlukan. Reka Cipta ialah topik dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang sering digunakan untuk membantu dalam pembangunan kemahiran teknikal, terutamanya dalam kalangan pelajar. Reka Cipta pula terus ketinggalan dari segi prestasi pelajar cemerlang dalam sektor tersebut (Mohamad Abdillah & Haleefa, 2011).

Menurut Lembaga Peperiksaan Malaysia, peratusan pelajar yang gagal tema reka bentuk meningkat sebanyak 0.1% antara 2019 dan 2018 (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2020). Mohamad (2011) juga mendakwa bahawa pelbagai elemen dalaman dan luaran, termasuk sebagai minat pelajar, sikap terhadap kemahiran yang diperolehi guru. Faktor pemudah cara dalam kursus inovasi di sekolah juga mungkin mempengaruhi pencapaian cemerlang pelajar dalam mata pelajaran reka bentuk. Analisis dokumen DSKP Reka Cipta Tingkatan empat dinilai pada setiap pembelajaran Reka Cipta Tingkatan empat mengikut bab dalam penyelidikan awal dengan 30 jurulatih utama dan guru Reka Cipta di Johor. Menurut penyelidikan ini, lima daripada lapan bab subjek memerlukan bakat berfikir aras tinggi, khususnya keupayaan untuk mengenal pasti sebab utama isu inventif. Ini kerana prosedur penyelesaian masalah, yang kemudiannya boleh digunakan untuk berjaya

menyelesaikan proses reka bentuk, memerlukan kebolehan tersebut (Anuar et al., 2018).

Realitinya, majoriti pelajar Reka Cipta masih lemah dalam mengaplikasikan kemahiran tersebut. Mengikut dapatan kajian awal, pengkaji menganalisis data menggunakan program (SPSS 25.0) terhadap pelajar Reka Cipta Tingkatan empat seramai 133 orang pelajar di Johor menunjukkan bahawa sebanyak (86.4%) pelajar masih menghadapi masalah dalam menerapkan kemahiran pengenalpastian punca masalah inventif ini dalam diri mereka. Hal ini demikian kerana, (90.2%) pelajar menyokong bahawa mereka masih kurang pengetahuan mengenai langkah-langkah pengenalpastian punca masalah inventif. Seterusnya, sebanyak (95.5%) daripada mereka sukar menghasilkan projek yang berinovasi kerana kurangnya rujukan sendiri untuk mengaplikasikannya. Namun, (94.7%) daripada mereka sedar bahawa kemahiran tersebut merupakan atribut ke-3 tertinggi dalam dunia kerjaya industri kerana ianya merupakan fasa penting dalam proses reka cipta. (97%) pelajar juga bersetuju untuk menguasai kemahiran tersebut kerana yakin kemahiran tersebut mampu mereka menyelesaikan pelbagai masalah inventif sepanjang proses mereka cipta. Justeru, pelajar Reka Cipta memerlukan sokongan bantuan pembelajaran dan dorongan yang tepat dalam mempelajari serta menguasai sesuatu kemahiran dalam diri mereka.

